

## BAB LIMA

### GLOBALISASI DALAM ERA DOMINASI BARAT

#### 5.1 Pengenalan

Barat melakukan penjelajahan dan penjajahan ke atas dunia umumnya untuk memperolehi kekayaan daripada negara-negara yang dijajah. Ia bertujuan untuk membangun dan memajukan ekonomi negara mereka. Pengautan hasil kekayaan bermula di sekitar abad ke-15 dan 16 apabila kuasa Barat ke Timur seperti Portugis dan Sepanyol telah menemui jalan laut seterusnya memulakan perluasan kuasa. Di antara kuasa Barat yang pernah menjadi kuasa hegemoni dunia pada ketika itu adalah Netherland(Belanda) pada kurun ke-17, Great Britain pada kurun ke-19 dan Amerika Syarikat pada abad ke-20.<sup>1</sup>

Barat menyemarakkan penjajahannya dengan konsep 3G yang masyhur iaitu *God, Gold* dan *Glory*. G yang pertama ialah *God* dilambangkan dengan ketuhanan. Agama kristian seperti juga agama Islam adalah agama tabligh. Oleh sebab itu, dunia Barat mengglobalkan Kristian sebagai reaksi dan persaingan terhadap agama Islam.

---

1. Immanuel Wallerstein, *The Politics of the World Economy: The State, the Movement and the Civilization*, (U.S.A: Cambridge University Press, 1985), hlm.38.

G yang kedua adalah *Gold* dilambangkan dengan kekayaan emas dan harta benda. Kuasa Barat berminat untuk mengaut hasil tanah jajahan untuk dibawa pulang ke negeri masing-masing. Jajahan mereka disempadankan tanpa menghiraukan kedaulatan kerajaan tempatan yang sedia wujud. G yang ketiga ialah *Glory* dilambangkan dengan kemenangan dan keagungan menyatakan makna kemegahan untuk dipersembahkan kepada raja dan bangsa bagi meraih anugerah. Tekanan dan semangat untuk menguasai ketiga-tiga G inilah kuasa-kuasa Eropah mula mempelajari teknik pelayaran daripada pelayar Islam sama ada dengan upahan atau paksaan dan kemudiannya memulakan ekspedisi penjajahan ke negeri-negeri Timur yang dimulai oleh orang Portugis, Belanda, Itali, Sepanyol, Inggeris dan Amerika Syarikat kemudiannya

Pada tahun 1541, tiga orang tentera Portugis telah terkandas di Pulau Tanegashima, di Selatan Kyushu.<sup>2</sup> Susulan daripada peristiwa itu, lebih banyak kapal-kapal Portugis yang datang ke pelabuhan di Pulau Kyushu bertujuan berdagang dan diikuti pula negara-negara Eropah yang lain seperti Sepanyol dan Belanda. Namun pada pemerintahan Kesyogunan Tokugawa, dasar pemencilan telah dilaksanakan iaitu pada sekitar tahun 1630an. Antara faktor yang menyebabkan tindakan tersebut diambil ialah apabila tercetusnya Pemberontakan Shimbara di antara tahun 1637-1668 di Kyushu.

2. Richard Storry, *Sejarah Jepun Modern*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1967), hlm.20-21.

Pemberontakan ini dianggap sebagai pemberontakan golongan petani tertindas terhadap golongan daimyo (tuan tanah) tetapi kemudian menerima sokongan daripada golongan ronin (samurai yang tidak bertuan) yang beragama Kristian. Walaupun pemberontakan ini dapat dipatahkan tetapi Bakufu bimbang mengenai kemungkinan campurtangan kuasa-kuasa Barat dengan alasan isu agama Kristian atau isu perdagangan dalam pentadbiran Tokugawa. Maka bermulalah pemencilan Jepun hampir selama 200 tahun.

Sir John Davis, wakil Britain di China membuat perancangan untuk mengadakan perjanjian dengan Jepun pada tahun 1845, tetapi tidak berjaya. Begitu juga yang berlaku pada Komodor James Biddle, komander skuadron *United Pacific* yang pergi ke Edo Bay pada tahun 1846, apabila permohonan untuk menjalankan perdagangan di Jepun ditolak.<sup>3</sup> Namun, kemasukan Barat secara rasminya bermula pada tahun 1854 iaitu selepas Perjanjian Kanagawa ditandatangani. Perjanjian ini dibuat susulan daripada surat Presiden Amerika yang dibawa oleh Komodor Matthew Calbraith Perry kepada Maharaja Jepun pada 3 Julai 1853.

3. W G Beasley, *The Rise of Modern Japan*, (London: George Weidenfeld and Nicolson Ltd, 1990), hlm. 28.

Surat itu mengandungi hasrat Amerika supaya Jepun membuka satu atau dua pelabuhan (Shimoda dan Hakodate) di Jepun untuk berdagang. Hak membeli batu arang di pelabuhan tertentu dan jaminan bahawa kelasi kapal Amerika yang karam berdekatan akan diberi perlindungan dan layanan yang sempurna. Pada 13 Februari 1854, Komodor Perry datang semula ke Jepun dengan membawa skuadron yang mengandungi tujuh buah kapal dan akhirnya persetujuan dicapai pada 31 Mac 1854. Syarat utama perjanjian ini adalah:

- i. Membuka dua pelabuhan iaitu Shimoda dan Hakodate sebagai tambahan kepada Nagasaki di mana kapal-kapal Amerika boleh dibaiki dan mendapat bekalan makanan dan batu arang.
- ii. Melayan baik dan menghantar pulang kelasi kapal karam Amerika yang dijumpai di pelabuhan – pelabuhan tersebut.
- iii. Mbenarkan seorang konsul Amerika ditempatkan di Shimoda.

Negara Eropah lain yang memerhatikan perkembangan hubungan Amerika-Jepun turut menjelaki langkah ini. Kerajaan Jepun terpaksa membenarkan mereka bermiaga. Orang British dibenarkan berdagang di Hakodate dan Shimoda dan termasuk orang Belanda yang mendapat layanan yang sama.<sup>4</sup>

<sup>4</sup>. Azhar Mad Aros, (et. al), *Titas Kertas 2*, (Kuala Lumpur:Fajar Bakti Sdn Bhd, 2002), hlm.354

Dan ini adalah permulaan kepada era kemasukan Barat dan kemerosotan dan keruntuhan Kesygungan Tokugawa, yang mana pemerintahan Jepun kemudiannya diambil alih oleh Maharaja Meiji pada tahun 1868. Ini bermakna kuasa politik negara Jepun telah dikembalikan semula kepada Kerajaan Imperial atau Maharaja Jepun. Ini merupakan salah satu peristiwa penting yang mempengaruhi pembentukan negara Jepun moden.

## 5.2 Pemodenan Politik dan Pentadbiran

Perubahan paling penting dalam pentadbiran dan pemerintahan Jepun ialah pengenalan perlombagaan baru, pertumbuhan parti politik dan penubuhan kerajaan pusat yang kuat, walaupun mengambil masa 10 tahun untuk membasmi tentangan kumpulan pemberontak. Namun pemberontakan terakhir yang mereka hadapi ialah perang Seinan pada tahun 1877.<sup>5</sup>

Pada tahun 1868, iaitu tahun bermulanya pemerintahan Meiji telah menyaksikan tindakan pemimpin Meiji mengeluarkan satu dokumen penting iaitu memberi arahan umum yang mesti diikuti oleh kerajaan dalam masa 4 hingga 5 dekad akan datang. Dokumen ini dikenali sebagai *Gokajo no Goseimon* atau Carta Pengakuan Lima Artikel.

<sup>5</sup> Takatoshi Ito, *The Japanese Economy*, (Massachusetts: The MIT Press, 1994), hlm. 19.

Dokumen ini menjanjikan penubuhan Dewan-Dewan Perhimpunan, kebebasan bermastautin dan pekerjaan, penghapusan kelas-kelas keturunan dan hubungan-hubungan kebudayaan sepenuhnya dengan Barat. Ini dilakukan untuk memperoleh sokongan rakyat dan menunjukkan kepada kuasa Barat bahawa pemimpin Meiji tidak bersikap anti asing. Langkah pertama dalam pelaksanaan ialah penubuhan Dajokan (Majlis Negara) sebagai badan paling berkuasa dalam negara. Idea untuk diadakan perhimpunan yang dipilih oleh rakyat mendapat sambutan yang baik dari rakyat .

Salah seorang pencadang yang paling kuat menyokong usaha ini ialah Itagaki (bekas ahli dalam oligarki Meiji) Ini bermakna kuasa untuk memerintah tidak terletak pada Maharaja atau rakyat tetapi dalam tangan beberapa orang pegawai. Dalam hal ini rakyat tidak dapat berhubung dengan kerajaan atau menyuarakan pandangan kerana tidak ada wakil yang dipilih.

Apabila tekanan rakyat bagi sebuah pergerakan demokratik menjadi semakin hebat, pemimpin Meiji membuat keputusan untuk bertindak atas isu tersebut. Beberapa pemimpin seperti Yamagata mendesak kerajaan menggubal perlembagaan sebelum pergerakan demokratik menjadi lebih berkuasa. Menjelang Mac 1881, seorang lagi pemimpin kerajaan, Okuma Shigenobu membentangkan satu laporan kepada Maharaja yang menyeru penubuhan sebuah parlimen yang dipilih.

Pada 12 Oktober 1881, satu titah Perintah Diraja dikeluarkan mengumumkan perlembagaan dan parlimen baru dibentuk pada tahun 1890.<sup>6</sup> Meiji telah mengarahkan Ito Hirobumi membuat persediaan bagi menggubal perlembagaan baru. Pada 1882, Ito meninggalkan Jepun bersama sekumpulan kecil penasihat untuk mempelajari teori-teori politik Eropah dan berbagai perlembagaan Eropah selama 18 bulan.

Dalam tempoh itu, beliau telah melawat Britain, Belgium, Paris, Vienna dan Berlin. Sepanjang lawatan, beliau mendapat banyak tunjuk ajar dan nasihat daripada Rudolph Greist dan Lorenz Von Stein, yang mana idea mereka kemudianya dimasukkan ke dalam draf perlembagaan baru yang mengambil masa 6 tahun untuk disiap. Perlembagaan Meiji kemudiannya diumumkan secara rasmi oleh Maharaja pada 11 Februari 1889.<sup>7</sup> Menurut perlembagaan ini, Maharaja adalah pemerintah tertinggi tetapi keunggulan hanyalah dari segi adat istiadat semata-mata. Artikel IV menyatakan semua undang-undang Ordinan Diraja, Titah Perintah Diraja dan lain-lain memerlukan tandatangan pengesahan Menteri-menteri Negara yang berkenaan.

6. W G Beasley, *The Rise of Modern Japan*, hlm. 74.

7. W G Beasley, *Ibid*, hlm. 77.

Syarat perlombagaan lain ialah penubuhan sebuah kabinet yang bertanggungjawab kepada maharaja dan perwujudan sebuah Diet (parlimen) dwidewan atau perhimpunan kebangsaan yang terdiri daripada Dewan Bangsawan dan Dewan Rakyat. Ahli Dewan Bangsawan terdiri daripada mereka yang dikurniakan gelaran seperti (Marquis, Count, Viscount dan lain-lain) dan juga pembayar cukai yang tertinggi di negara tersebut. Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh kaum lelaki yang berusia 25 tahun ke atas yang membayar cukai tahunan sebanyak 15 yen atau lebih. Ini bermakna daripada 50 juta penduduk Jepun, hanya 460,000 orang atau hampir 9.2% daripada jumlah penduduk yang layak mengundi.<sup>8</sup>

Secara keseluruhan, perlombagaan Meiji tidak mengubah secara ketara struktur kuasa politik di Jepun. Diet tidak mempunyai kuasa politik sepenuhnya. Ia tidak mempunyai suara dalam pemilihan Perdana Menteri atau menteri kabinet yang lain yang dilantik oleh maharaja atau nasihat Cienro atau negarawan ulung. Pilihanraya pertama bagi Dewan Rakyat diadakan pada tahun 1890.

8. Mad Atros, Azhar, (et al), *Titas Kertas 2*, hlm. 365

Sebelum 1890, banyak parti politik ditubuhkan berikut pengumuman Titah Perintah Diraja. Pada tahun 1881, parti Jiyuto ditubuhkan dan muncul sebagai parti politik pertama di Jepun. Bagaimanapun tidak berapa lama kemudian Jiyuto disaingi oleh Parti Rikken Kaishinto (Parti Progresif) yang ditubuhkan pada tahun 1882. Pada masa yang sama, parti ketiga, Rikken Teiseito telah muncul.

Selain itu, zaman Meiji juga memperlihatkan sistem pentadbiran yang lebih cekap yang mana kuasa Meiji berjaya menghapuskan sistem feudal lama dan memperkenalkan undang-undang ala-Barat seperti pelajaran wajib, penyusunan jabatan kerajaan pusat dan menepikan halangan dan kelas-kelas sosial. Selain penghapusan Shino-Kosho, sistem kelas sosial pada 1869, kerajaan Meiji juga telah meningkatkan perkhidmatan kemudahan awam dengan memperbaiki pengangkutan domestik.<sup>9</sup>

Kerajaan juga kini membenarkan perjalanan keluar negeri, penerbitan surat khabar, majalah dan mendorong rakyat berkecimpung dalam bidang perniagaan. Faktor utama Jepun menitikberatkan atau membangunkan industri Barat adalah kerana untuk perluasan kuasa.

<sup>9</sup> Semasa pemerintahan Tokugawa, *sekisho* atau *checkpoints* antara daerah Daimyo, diwujudkan bagi menghalang sebarang perjalanan oleh rakyat yang mempunyai taraf kelas yang rendah. Lihat juga Takatoshi Ito, *The Japanese Economy*, hlm 19

Ini menjadi realiti apabila meletusnya pertelingkahan Jepun-China pada 1894. Orang Jepun memasuki Manchuria dan perjanjian Shimonosheki ditandatangani pada 1895. Pada masa itu, kuasa-kuasa Barat mula mengakui kehebatan Jepun yang tidak boleh dipandang rendah. Seterusnya Perjanjian Inggeris-Jepun ditandatangani pada tahun 1902.

Menurut perjanjian ini, Jepun dianggap setaraf dengan kerajaan British dan sekiranya peperangan terletus pihak British dikehendaki menyokong atau bersikap berkecuali. Walau bagaimanapun Jepun telah menunjukkan kehebatan mereka semasa Perang Dunia Kedua sehingga berjaya menakluki beberapa jajahan British di Asia dan juga Pearl Harbour. Namun selepas kalah dalam Perang Dunia Kedua, Jepun mula mengambil perhatian yang berat terhadap pemulihara negara mereka serta kemajuan ekonomi.

### **Pemodenan Ekonomi**

Langkah penting yang diambil oleh pemimpin Meiji ialah menjalankan proses modenisasi dalam bidang ekonomi. Pemimpin-pemimpin Meiji percaya bahawa sebuah ekonomi moden berdasarkan industri kapitalisme merupakan kunci utama kepada keselamatan dan keagungan nasionalisme. Modenisasi ekonomi didorong oleh beberapa faktor. Pertama, negara Jepun mengalami pertumbuhan penduduk

yang pesat , sektor pertanian tidak dapat menampung semua penduduk yang tidak mempunyai pekerjaan, kerajaan mengalami masalah kekurangan yang teruk dalam perdagangan luar negeri dan salah satu cara menyelesaikan masalah ini ialah dengan menambah kuantiti dan jenis perindustrian ke negara asing. Namun, Meiji juga menyedari kelas samurai yang berjumlah 600,000 orang harus diberi pekerjaan kerana kerajaan tidak mampu terus membayar penceن. Manakala samurai yang mempunyai kedudukan kelas yang tinggi pula menjadi ahli golongan bangsawan.<sup>10</sup>

Proses memodenkan ekonomi dimulakan dengan membangunkan sektor pertanian yang menghasilkan 80% dari jumlah hasil pendapatan Jepun dalam tahun 1870-an dan 1880-an. Pada tahun 1873, pemimpin Meiji melakukan perubahan penting dalam sistem cukai tanah yang mana cara pembayaran cukai lama di mana petani membayar cukai dengan hasil tanaman dihapuskan dan digantikan dengan menggunakan wang tunai di mana kadar percukaian berdasarkan nilai tanah iaitu 3% dari nilai tanah tidak kira sama ada hasil tuaian baik atau tidak. Usaha Jepun membangunkan ekonominya tidak di setakat itu sahaja malah mengambil inisiatif menghantar penuntut dalam jurusan pertanian ke luar negeri dan pakar pertanian asing diambil berkhidmat, jenis tanaman dipelbagai, benih baru diimport dan baja kimia digunakan secara insentif.

10 *Ibid*, hlm 20

Manakala tanaman dagangan komersil seperti teh, sutera dan lain-lain digalakkan dan banyak kawasan baru telah dibuka di beberapa bahagian terutamanya Hokkaido untuk tujuan pertanian.<sup>11</sup> Selain ekonomi pertanian, pemimpin Meiji juga meletakkan asas bagi perkembangan ekonomi perindustrian dengan membina industri baru yang berasaskan perdagangan. Oligarki Meiji memberi penekanan ke atas industri pertahanan seperti pembinaan kapal, alat-alat perang dan lain-lain industri militari dan yang terbesarnya adalah dalam tempoh 1870 hingga 1880 iaitu membuka limbungan kapal tentera laut di Yokosuka. Kerajaan juga mengelolakan dua buah kilang besar di Tokyo dan Osaka untuk membuat meriam, senapang dan peluru dan tiga buah kilang ubat bedil di Tokyo dan daerah Gunma.

Kerajaan juga menggalakkan penyertaan modal perindustrian untuk melabur dalam bidang industri baru. Namun begitu usaha ini kurang berjaya disebabkan beberapa faktor, antaranya kekurangan kemahiran teknologi dan pengurusan yang cekap, keengganan saudagar-saudagar kaya untuk melabur dalam industri baru kerana sikap konservatif yang mana mereka lebih suka aktiviti perniagaan secara tradisional.

<sup>11</sup> Peter Tasker, *Inside Japan : Wealth, Work & Power in The New Japanese Empire*, (London : Sidgwick & Jackson, 1987), hlm 102-103

Keengganan usahawan ini menyebabkan kerajaan menubuhkan beberapa industri pembuatan dalam tahun 1870-an seperti kilang penggulungan sutera moden di Tomioka dan Maebashi, kilang memintal kapas di Nagoya (1875), sebuah kilang benang bulu kambing di Senju, kilang simen Fukugawa dan kilang kaca Shinagawa pada tahun 1876.

Oleh kerana Jepun pada masa itu, memerlukan wang untuk melengkapkan sektor pertanian, maka kerajaan telah menyerahkan kebanyakan daripada pemilikan perindustrian ini kepada beberapa buah syarikat seperti Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo, Yasuda, Asano, Furukawa, Kawasaki, Otani, Okura dan lain-lain. Ini bermakna kerajaan telah meletakkan asas bagi pewujudan gabungan industri yang dikuasai oleh golongan pemodal yang kaya atau Zaibatsu. Kumpulan Zaibatsu berkembang menjadi konglomerat dan memainkan peranan penting dalam menukar Jepun menjadi sebuah negara perindustrian.<sup>12</sup>

Selain itu Kementerian Kewangan telah dipertanggungjawabkan membentuk sistem mata wang yang seragam. Pada tahun 1868, berbagai jenis mata wang di zaman kesyogunan Tokugawa telah digantikan dengan wang kertas Kementerian Kewangan atau *dajokansatsu*. Kelas unit wang kertas ini telah ditukar dari *ryo* kepada *yen* dan pada tahun yang sama juga nilai *yen* secara kasar mempunyai nilai yang sama dengan dolar AS.

12. Azhar Mad Ali, *op. cit.*, hlm. 363

Kerajaan juga menghadapi masalah inflasi dan susutan nilai mata wang kertas yang disebabkan perbelanjaan yang melebihi pendapatan akibat penggunaan sejumlah wang yang besar dalam modenisasi angkatan tentera, menubuhkan industri baru, perkembangan komunikasi, pembayaran pampasan kepada tuan feudal dan menumpaskan pemberontakan golongan samurai.<sup>13</sup>

Satu sistem kredit yang moden telah diperkenalkan. Beberapa buah bank rasmi dan separa rasmi telah ditubuhkan. Bank Yokohama Specie (1880) menjadi bank asing yang utama, Bank of Japan (1882) menjadi agen fiskal kerajaan. Pada tahun 1896 kerajaan menubuhkan Bank Hyphotec sebagai badan pusat bank-bank perindustrian di 47 wilayah di Jepun. Kementerian Kewangan menubuhkan biro simpanan untuk menguruskan simpanan pejabat kerajaan. Menjelang tahun 1882, 143 buah bank kerajaan dan separa kerajaan telah ditubuhkan.

## 4 Pemodenan Sosial

### 4.1 Ketenteraan dan Komunikasi

Tumpuan utama yang diberikan oleh kerajaan Meiji adalah sesuai dengan doktrin sebuah negara kaya dan tentera yang kuat. Dilakukan dengan mengambil contoh dari Barat. Disember 1872, kerajaan memperkenalkan sistem tentera kerahan moden terdiri dari rakyat biasa yang berusia 20 tahun ke atas.

[13] Manus B. Jansen, *Changing Japanese Attitude Toward Modernization*, (New Jersey:Princeton University Press, 1965), hlm 90-91

Yamagata Aritomo menyusun semula pentadbiran angkatan tentera berkonseptan ala Jerman. Mewajibkan askar kerahan tenaga supaya berkhidmat dalam angkatan tetap atau simpanan selama 12 tahun (3 tahun dalam angkatan tetap dan 9 tahun angkatan simpanan) Jumlah angkatan tentera dapat ditingkatkan. Pertahanan dikukuhkan dengan senjata-senjata moden. Cara latihan peperangan diperbaiki dan beberapa pegawai tentera asing diambil berkhidmat untuk melatih teknik berperang kepada tentera Jepun. Tahun 1872, Kementerian Angkatan Laut ditubuhkan dan ketika itu, Jepun mempunyai 17 buah kapal tentera laut yang beratnya 14,000 tan.

Pada tahun 1876 tiga buah kapal laut yang besar dibeli dari Britain, kemudahan limbungan diperbaiki dan pegawai tentera laut British diambil berkhidmat sebagai jurulatih dan arkitek Angkatan Laut Jepun. Tahun 1894, kerajaan Meiji telah mempunyai 28 buah kapal moden dengan beratnya 57,000 tan dan 24 buah kapal perang dan torpedo.<sup>14</sup> Dengan adanya kelengkapan tentera yang canggih sudah pastinya memerlukan perhubungan komunikasi yang baik. Untuk itu pmodenan sistem komunikasi dibuat dan dipertingkatkan kerana ianya banyak mempengaruhi kecekapan tentera, pentadbiran dan pembangunan ekonomi negara.

14 S.L. Mayer (Ed), *The Rise And Fall Of Imperial Japan, 1894-1945*, (London: Bison Books Ltd, 1988), hlm 18-30.

Tahun 1872, Tokyo dan Yokohama dihubungkan oleh landasan kereta api.

Pada tahun 1874, Kobe dan Osaka juga mempunyai landasan keretapi dan pada tahun 1877, Kobe Osaka dan Kyoto telah dihubungkan.<sup>15</sup> Menjelang 1881, Jepun mempunyai 26 landasan kereta api dan pada tahun 1880, landasan kereta api Yokohama dan Tokyo mengangkut antara 2 hingga 3 juta penumpang.

Manakala kemajuan telegraf telah mencapai kemajuan yang lebih pesat. Menjelang 1880, hampir kesemua bandar utama Jepun dihubungkan oleh ibusawat telegraf. Pada tahun 1893, Jepun mempunyai 4000 batu kawat telegraf. Jumlah berita kawat yang dihantar bertambah dari 19,448 pada tahun 1871 kepada 1.27 juta dalam tahun 1878 dan meningkat menjadi 2.7 juta dalam tahun 1884.<sup>16</sup>

#### 4.4.2 Pendidikan dan Kesusasteraan

Pemimpin Meiji sedar pelajaran merupakan asas terpenting untuk menjadi kuasa ekonomi dan militari termoden. Pelajaran juga dianggap sebagai kunci membina sebuah negara yang kukuh. Beratus-ratus penuntut Jepun dihantar ke luar negeri mempelajari sains dan pentadbiran dan teknik perindustrian Barat. Pendidikan yang dirancang bukan sahaja menyediakan kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan tentera dan ekonomi, bahkan untuk menyatukan puak dari 280 daerah pemerintahan feudal yang berasingan di negeri itu.

<sup>15</sup> Azhar Mad Atov, *op. cit.*, hlm. 360

<sup>16</sup> *Ibid.*, hlm. 360

Melalui penggunaan bahan-bahan pengajaran yang sama dan penyebaran satu bahasa kebangsaan (satu versi loghat Tokyo yang disesuaikan) di sekolah-sekolah telah membantu menimbulkan semangat bernegara satu dan mengantikan semangat kedaerahan kepada semangat kesetiaan kebangsaan.<sup>17</sup> Selain itu, pakar-pakar, golongan profesional, pakar teknologi Barat juga telah digaji untuk mengajar berbagai kemahiran kepada rakyat Jepun. Pada tahun 1871 Kementerian Pelajaran ditubuhkan dan pada tahun 1872, Jepun dibahagikan kepada 8 kawasan pelajaran.

Setiap kawasan mempunyai sebuah universiti, 32 sekolah menengah dan 210 sekolah rendah. Kanak-kanak berusia 6 tahun ke 14 tahun menerima pelajaran wajib selama 16 bulan dengan kehadiran di sekolah sekurang-kurangnya 13 minggu setiap tahun. Menjelang tahun 1880 terdapat hampir 28,000 buah sekolah rendah dengan jumlah murid hampir 2 juta. Pada tahun 1886, Mori Anrinori (Menteri Pelajaran 1885-89) telah memulakan satu sistem pelajaran, iaitu pendidikan sekolah rendah diwajibkan selama 8 tahun dan sekolah menengah selama 4 tahun.

<sup>17</sup> Herbert Parvin, (terj.) Rustam A. Sami, *Mayarakat Dan Pendidikan Di Jepun*, (Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1989), lilm 79

Sekolah-sekolah tinggi termasuk sekolah teknikal peringkat tinggi ditubuhkan meliputi bidang perubatan, sains ketenteraan, pelayaran, pertanian, perdagangan, perikanan dan lain-lain. Pusat tertinggi sistem pendidikan Jepun ialah Universiti Diraja Tokyo yang ditubuhkan pada tahun 1886. Pada tahun 1902, hanya terdapat dua buah universiti (pemerintah), 222 sekolah menengah dan 27,076 sekolah dasar. Menjelang tahun 1910, beberapa universiti diraja ditubuhkan di Sapporo, Kyoto dan Fukuoka.

Pendaftaran sekolah rendah mencapai angka 6.3 juta dan universiti sebanyak 7,239. Seluruh sistem pelajaran tertakluk kepada keperluan negara yang memerlukan rakyat yang terlatih dan berdisiplin. Perintah Diraja mengenai pelajaran dikeluarkan pada tahun 1890, menghuraikan mengenai kepatuhan dan penghormatan kepada maharaja harus ditetapkan di dalam kurikulum sekolah dan institut pengajian tinggi di Jepun.

Pada era Meiji, minat dalam bidang kesusasteraan Barat telah berkembang terutama dalam penterjemahan hasil karya. Terjemahan biografi dan tokoh Barat yang terkenal seperti Homer, Shakespeare dan Voltair mendapat sambutan yang baik khususnya dari golongan elit. Penterjemah yang terkenal di era Meiji ialah Oda Junichiro yang mendapat pendidikan dari Universiti Edinburgh.

Hasil karya yang diterjemahkan ialah *Ernest Maltravers*, *The Bride of Cammermoor*, *Romeo and Juliet* dan *The Last Day of Pompei* karya lain seperti *Round the World in 80 Days* dan *A Journey to the Moon* menarik minat masyarakat yang secara langsung mudah menerima idea, pengetahuan, sains, pemikiran, kebudayaan dan pelajaran Barat dari hasil karya ini.<sup>18</sup> Penulis-penulis terkenal Jepun telah mengilhamkan pemikiran politik dan sistem politik Barat. Antaranya ialah Fukuzawa Yukichi, Kato Hiroyuki dan Itagaki Taisuke. Fukuzawa adalah perintis pendidikan Barat dan pemikir politik agung dalam sejarah kebangkitan politik di Jepun. Tahun 1860, beliau melawat Amerika dan tahun berikutnya beliau telah pergi ke England, Perancis, Prussia dan negara-negara Eropah. Sekembali dari Jepun, beliau menghasilkan idea dan praktik mengenai sistem sosial dan politik Eropah.

Hasil penulisannya yang terkenal ialah Seijo Jiyo (Keadaan di Negara-negara Barat).<sup>19</sup> Penulis yang memberi perhatian kepada isu-isu pemikiran dan teori ekonomi pula ialah Taguchi Ukichi di mana beliau juga adalah pelopor utama doktrin *laissez faire*. Beliau menentang keras dasar perlindungan industri yang memurutnya akan memberi layanan istimewa kepada ahli samurai dan mendorong mereka kembali ke tabiat tradisional yang malas.

18 Roger Bernhard, *Japanese Literature*, (New York: Walker and Company, 1995), hlm 11

19 Ibid, hlm 13

### 5.4.3 Perubahan Kebudayaan

Terdapat juga perubahan citarasa dalam bidang kebudayaan seperti seni lukis, muzik, drama dan lain-lain. Kumpulan yang bertanggungjawab memulihkan dan memperbaharui seni tradisional ialah Okakura Tenshin dan Shimomura Kanzon. Lukisan minyak menjadi popular dan lukisan Barat diterima oleh ramai pelukis-pelukis Jepun. Warna-warna yang jelas (bold) telah semakin banyak digunakan oleh pelukis-pelukis Jepun yang semakin meminati gaya lukisan terbaru dari Barat.<sup>20</sup>

Muzik gaya Barat (instrumental dan vokal) menjadi semakin popular di Jepun ketika era Meiji. Piring-piring hitam Barat terdapat di pasaran Jepun. Tarian Barat seperti tarian *ballroom* menjadi lebih popular terutamanya di kalangan golongan aristokrat dan elit politik. Kesan-kesan ini meninggikan lagi nilai budaya muzik Barat. Sementara itu, minat dalam alat-alat dan gaya muzik tradisional Jepun juga telah dihidupkan semula. Gayaku (suatu gaya muzik yang dimainkan di istana-istana diraja) telah diberi keutamaan dalam upacara-upacara rasmi dan keagamaan. Shakuhachi (seruling buluh), koto (sebuah alat bertali) dan samisen (sebuah alat muzik bertali tiga) juga telah dihidupkan kembali. Kadangkala, koto dan samisen digabungkan dengan alat-alat muzik barat seperti biola untuk menghasilkan paduan muzik tradisional Jepun dan Barat.

<sup>20</sup> Azhar Mad Aros, *op. cit*, hlm. 361

Ketiga-tiga alat muzik tradisional ini (shakuhachi, koto dan samisen) digunakan secara meluas untuk menghasilkan seni muzik dan dengan demikian mengembalikan semula populariti alat-alat muzik ini semasa era Meiji.<sup>21</sup> Seni drama seperti Kabuki telah mengalami banyak perubahan dalam era Meiji. Kabuki yang telah mencapai kegemilangannya semasa era Edo terus berkembang pesat dalam era Meiji.

Perbezaannya ialah bahawa dalam era Edo, Kabuki telah diminati terutamanya oleh saudagar-saudagar (yang terletak di bawah sekali dalam struktur sosial) manakala seni drama telah memperoleh penghormatan sosial yang tinggi dalam era Meiji. Salah seorang pelopor Kabuki yang teragung ialah Ichikawa Danjuro (1838-1903). Beliau seorang pelakon terkenal yang telah memainkan peranan penting dalam menjadikan Kabuki suatu seni drama yang halus dan sofistikated. Beliau juga telah mementaskan sebuah drama istimewa, menggambarkan sejarah dan peristiwa-peristiwa masa lampau yang sebenar. Berikutan dengan pencapaian ini, suatu bentuk aliran Kabuki yang digelar *shimpa* telah muncul pada pertengahan era pemerintahan Meiji. *Shimpa* telah mempersebahkan drama-drama yang berkaitan dengan politik dan hal ehwal semasa, di samping memaparkan peristiwa-peristiwa perang Jepun di Asia.

21 Darsamah Mandah, *Pengantar Kesusasteraan Jepang*, (Jakarta:Grasido,1992), hlm 8.

Drama Kabuki telah mengalami perubahan-perubahan lain dalam bentuk muzik, pentas, peralatan, struktur panggung dan teknik lampu.<sup>22</sup> Selain daripada Kabuki, pementasan sandiwara gaya Barat (Shingeki) juga telah muncul pada permulaan era Meiji. Shingeki telah mengambil pendekatan yang bercorak intelektual dan realistik dalam persesembahannya dengan menonjolkan keburukan politik masyarakat Meiji.

Pelopor-pelopor utama Shingeki termasuklah Tsubouchi Shonyo, Osanai Kaoru, Ichikawa Sadonji II dan lain-lain. Industri filem telah berkembang pesat seiring dengan perkembangan Kabuki. Pengusaha-pengusaha filem Jepun telah menikmati keuntungan besar dalam era Meiji dan beberapa buah daripada filem-filem yang tulung telah dipetik dari adegan-adegan Kabuki. Pelakon-pelakon Kabuki yang berlakon dalam beberapa buah filem yang terawal merupakan filem-filem bisu. Filem-filem ini dibuat dengan ulasan-ulasan selari. Panggung wayang gambar yang pertama telah dibina dalam tahun 1903 dan menjelang akhir era Meiji, industri filem Jepun telah membuat kemajuan yang besar dengan penggunaan teknik-teknik kamera moden, sari kata, teknik sinaran tiruan, props dan sebagainya lagi.

<sup>22</sup> Ibid. Jlmn 9

#### 5.4.4 Perubahan Ideologi dan Agama

Ideologi negara diperlukan bagi meninggikan semangat nasionalisme, membina sebuah masyarakat yang kukuh dan mengawal kemasukan pengaruh negatif dari Barat. Ideologi yang diberi nama *Kokutai* menekankan keunggulan kerohanian masyarakat Jepun dan dianggap dokma penting dalam nasionalisme Jepun. Rakyat diseru supaya memberi kesetiaan dan ketaatan sepenuhnya kepada negara khususnya Maharaja yang dianggap suci dan tidak boleh dibantah.<sup>23</sup>

Asas kerohanian bagi kerajaan dan masyarakat diwujudkan dalam bentuk Shinto Negara yang menjadi agama rasmi negara tersebut. Shinto Negara adalah gabungan Shinto Tempat Suci dan Shinto Istana Diraja. Kesedaran yang kuat dan moden Shintoisme yang berpusat kepada maharaja adalah satu cara penting untuk menyukuhkan negara. Langkah pertama menyebarkan Shinto Negara ialah mengeluarkan perintah mengasingkan Buddhisme dari Shinto dan menghidupkan semula Jabatan Shinto yang dibentuk mengikut model Pejabat Hal Ehwal Ketuhanan (Jingikan) abad ke-7 Masihi. Deklarasi yang mengatakan Shinto akan menjadi asas agama kerajaan baru telah dikeluarkan. Tahun 1871, tempat-tempat suci diberi pred-gred rasmi berdasarkan hubungan mereka dengan keluarga Diraja. Diletakkan di bawah kawalan pentadbiran pejabat-pejabat dan pegawai yang sesuai di peringkat negara, wilayah dan kerajaan tempatan.

23 Mario, B. Lauzen (ed.), *op. cit.*, hlm 92

Jawatan paderi dihapuskan dan kesemua paderi dilantik menjadi pegawai kerajaan. Dengan pengisytiharan Shinto sebagai agama rasmi, kerajaan Meiji menyekat perkembangan agama Buddha. Hak istimewa yang diberi kepada paderi Buddha dihapuskan dan harta benda kepunyaan institusi agama Buddha dirampas. Patung dan kitab suci Buddha dikeluarkan dari tempat suci dan dibakar atau dihanyutkan. Langkah ini membangkitkan rasa kecewa pegawai kerajaan yang beragama Buddha dan sami-sami Buddha.<sup>24</sup>

Pemimpin Buddha seperti Ekido, Nisshu, Tetsujo, Dokoun telah memujuk kerajaan mengubahsuai dasar-dasar yang keras terhadap Buddha dan kerajaan telah mengubahsuai dasar-dasar tersebut dengan pemberian lebih banyak autonomi kepada badan-badan dan institusi agama Budhha. Ajaran Kung Fu Tze berhubung dengan kesetiaan kepada Maharaja dimasukkan ke dalam Shintoisme negara. Pengaruh Kung Fu Tze boleh dilihat ke atas Piagam Pelajaran Diraja yang diumumkan pada 1890.

Dokumen ini memberi kepentingan kepada Lima Hubungan dalam ajaran Kung Fu Tze-hubungan antara tuan tanah dengan penyewa, Maharaja dengan rakyat, ibu bapa dengan anak, anak yang lebih tua dengan anak yang lebih muda, suami dengan isteri serta sahabat handai. Agama Kristian yang disekat perkembangan di zaman Shogun Tokugawa dipulihkan semula.

<sup>24</sup> Ibid, ldm 93

Kerajaan memberi kebebasan beragama dan membolehkan agama Kristian berkembang semula dalam tahun 1870. Pusat-pusat agama Kristian terdapat di Nagasaki, Yokohama dan Hakodate. Pengaruh agama Kristian semakin berkembang dengan terbinanya 130 buah gereja, 70 buah sekolah dan hampir 5000 Convent.<sup>25</sup>

## 5.5 Pemulihan dan Pemantapan Jepun Modern

Pada permulaan zaman Showa (1926-30an) menunjukkan tanda-tanda bermulanya kebangkitan fahaman militarisme, ultra-nasionalisme dan fasisme. Kumpulan tentera telah mendominasi senario politik Jepun yang mana mereka ini mengamalkan satu dasar luar pencerobohan ke atas Manchuria, China dan melibatkan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.<sup>26</sup>

Kemelesetan ekonomi dunia telah berlaku secara besar-besaran pada tahun 1929 dan peristiwa Manchuria 1931 juga memainkan peranan penting dalam kebangkitan golongan militarisme seperti kemerosotan politik berparti, rasuah, masalah ekonomi di desa, inflasi dan sebagainya itu menjadi faktor terpenting membantu golongan tentera merampas kuasa politik di negara Jepun. Kemerosotan ekonomi telah menghancurkan kehidupan kaum tani di Jepun.

<sup>25</sup> Azhar Md Aree, *op. cit.* hlm. 362

<sup>26</sup> Richard Storry, *op. cit.* hlm 60-62

Ianya telah menyebabkan kesan negatif terhadap eksport sutera Jepun ke Amerika di mana ianya merupakan eksport tunggal Jepun yang terbesar jatuh dalam pasaran Amerika. Kaum petani yang menjalankan kegiatan memelihara ulat sutera menerima beban yang sangat besar. Keengganan kerajaan menurunkan cukai ditambah pula dengan pendapatan petani yang jatuh 50% berserta hutang yang semakin banyak telah menambahkan lagi penderitaan petani Jepun yang sedar teruk mengalami kesulitan ekonomi.

Sehubungan itu banyak berlaku kebuluran, pergaduhan, pelacuran dan banyak lagi. Akibatnya kaum tani mula menaruh perasaan benci yang mendalam terhadap kelas pemerintah dan mereka sangat mengharapkan para pemimpin tentera untuk menyelesaikan masalah ekonomi dan politik mereka.<sup>27</sup> Golongan tentera yang bersimpati dan memahami masalah golongan petani telah menyokong perjuangan petani yang inginkan perubahan dalam kepimpinan Jepun.

Golongan petani dan penganggur berasa kecewa terhadap kerajaan yang ditadbir oleh ahli-ahli politik berparti yang mana inflasi, kekurangan barang pengguna, keadaan hidup yang tidak wajar telah menimbulkan kemarahan penduduk bandar yang semakin sedar tentang ahli politik berparti yang rasuah dan lemah.

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm. 60

Penduduk bandar dan golongan petani yang inginkan perubahan telah menyokong golongan tentera yang menunggu peluang untuk merampas kuasa politik di Jepun. Golongan militari telah mendapat peluang apabila berlaku peristiwa Manchuria pada tahun 1931. Manchuria telah dianggap sebagai kawasan kepentingan Jepun kerana ia strategik dan ekonomi kepada Jepun secara keseluruhannya. Begitu juga dengan negara China di mana Manchuria dianggap sebagai kawasan penampungan antaranya dengan Jepun.

China juga menganggap Manchuria sebagai kawasan pengeluaran makanan bagi penduduk China yang semakin bertambah dan kawasan baru untuk menempatkan penduduk China yang ingin bermigrasi dari bandar-bandar China yang sesak. Faktor-faktor ini telah mendorong China untuk menentang usaha Jepun untuk mendapatkan Manchuria.<sup>28</sup>

Jepun, Manchuria merupakan barisan pertahanan utamanya terhadap serangan Rusia. Tuntutan yang dibuat oleh China dan Jepun telah mengakibatkan pertembungan kepentingan Jepun-China. Akibatnya Jepun telah menyerang Mukden pada 18 September 1931 dan peristiwa ini merupakan permulaan serangan tentera Kwangtung (Jepun) untuk menakluki Manchuria.

<sup>28</sup> Cyril E. Black (ed.), *The Modernization Of Japan and Russia*, (New York: MacMillan Publishing Co. Inc, 1975), hlm 90.

Peristiwa Mukden dan penaklukan Manchuria telah menandakan berakhirnya sistem politik berparti dan bermulanya kerajaan yang dikuasai oleh golongan tentera di Jepun pada sekitar tahun 1930-an.

### **5.5.1 Kebangkitan Militerisme**

Polisi pihak tentera yang cenderung ke arah ketegasan dan dasar kekerasan yang telah dilaungkan oleh Jeneral Araki (Menteri Perang Jepun pada awal 1930an) dan kumpulannya yang dikenali sebagai kumpulan ‘Saga’. Kumpulan Saga yang terkenal ini terdiri daripada Jeneral Muto, Mazaki, Kolonel Ishihara dan Kolonel Doihara telah mengisyiharkan bahawa tujuan utama puak militari ialah melaksanakan rancangan mewujudkan “Kawasan pengaruh Jepun” (Jepun Raya) iaitu sebuah empayar kolonial Asia yang menguasai dan menakluki negara-negara di Asia Timur.

Araki dan kumpulannya juga menekankan bahawa tentera merupakan barisan hadapan negara tersebut dan sebagai pembela serta penjaga tradisi-tradisi purba seperti *bushido* (Tatahukum peraturan-peraturan moral golongan samurai Jepun) dan juga hak keturunan Maharaja. Mereka juga yakin bahawa hanya

tentera yang boleh membela kepentingan-kepentingan negara dan memajukan penyebaran ‘idea imperial’ (dasar keras Jepun) ke negara-negara lain.<sup>29</sup>

Dasar perluasan Jepun bertanggungjawab mewujudkan krisis yang semakin meningkat dengan Amerika dan negara tersebut juga semakin terasing dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Hubungan China – Jepun telah putus pada tahun 1930an akibat serangan Jepun ke atas Manchuria dan Perang China-Jepun Kedua yang bermula pada tahun 1937. Hubungan Rusia-Jepun juga telah mengalami banyak perubahan pada tahun-tahun 1930an

Pengasingan Jepun dari PBB dan komuniti antarabangsa telah bermula dengan pencerobohan ke atas Manchuria pada tahun 1931. Sebaik sahaja Manchuria diserang dan ditakluki oleh pasukan-pasukan tentera Jepun, negara China telah membangkitkan perkara tersebut di persidangan Majlis PBB pada 19 September 1931. Sebagai tindak balas kepada rayuan negara China di bawah artikel XI Perjanjian tersebut, PBB telah meminta negara-negara ahli supaya mengenakan sekatan ke atas Jepun. Jepun juga telah mengisyiharkan tarik diri keseluruhannya dari pertubuhan tersebut. Tahun 1935 merupakan detik permulaan terputusnya hubungan Jepun dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).<sup>30</sup>

29. W. G. Beasley, *The Rise Of Modern Japan*, (London: Weidenfeld and Nicolson, 1990), hlm 115-116.

30. *Ibid*, hlm. 116

Sementara itu, Jepun telah terkejut apabila mendapati Jerman dan Rusia telah menandatangani Pakatan Jerman –Rusia atau pakatan “Tidak Ceroboh Nazi-Rusia” pada 23 Ogos 1939. Jepun berasa bahawa Jerman telah belot. Pada hakikatnya dasar Jepun terhadap Rusia dan Jerman telah berkecai oleh pakatan tersebut. Hubungan Jepun –Jerman menjadi dingin dengan termetrinya pakatan ini.

Tetapi ianya pulih semula apabila Hitler beroleh kejayaan-kejayaan besar dalam operasi tenteranya di Eropah. Penaklukan yang dilakukan oleh Jerman ini telah memberi peluang kepada Jepun untuk menyerang dan menakluki Asia Tenggara yang kaya dengan bahan-bahan mentah. Britain, Perancis dan Belanda yang terlibat dalam perperangan tidak dapat menghalang kemaraan Jepun di rantau ini.

Amerika pula tidak dapat mencabar Jepun kerana keutamaan yang diberikan oleh Amerika adalah terhadap peristiwa yang sedang melanda di Eropah. Faktor-faktor inilah mendorong Jepun untuk mengukuhkan hubungannya dengan Jerman melalui perjanjian tandatangan Perikatan Tiga Pihak (*Tripartite Alliance*) yang melibatkan Jepun, Jerman dan Itali.

Perikatan Tiga Pihak oleh Jepun, Jerman dan Itali telah dibuat pada 27 September 1940. Ia telah mengubah pakatan Anti-Comintern kepada satu perikatan tentera sepuluh tahun dengan syarat-syarat utama seperti berikut:

- i. Jepun mengiktiraf dan menghormati kepimpinan Jerman dan Itali dalam penubuhan sebuah order baru di Eropah.
- ii. Jerman dan Itali mengiktiraf dan menghormati kepimpinan Jepun dalam penubuhan sebuah order baru di Asia.<sup>31</sup>

Kesemua tiga buah negara bersetuju saling bantu membantu melalui semua saluran politik, ekonomi dan tentera apabila salah satu daripada tiga pihak itu diserang oleh sebuah kuasa yang tidak terlibat dalam Perang Eropah atau dalam konflik China-Jepun. Pakatan tersebut jelas disasarkan terhadap Amerika Syarikat. Jerman yakin bahawa negara tersebut akan jadi penghalang dalam bantuan Amerika kepada Britain. Di Jepun, pakatan ini dilihat sebagai amaran terhadap campur tangan Amerika dalam tindakan-tindakan Jepun terutamanya rancangan Jepun untuk menyerang Asia Tenggara. Negara Perikatan Tiga Pihak dan kejayaan-kejayaan Hitler di Eropah telah mengukuhkan rancangan Jepun untuk mara ke Asia Tenggara. Satu-satunya batu penghalang bagi Jepun ialah Amerika Syarikat dan Britain yang berkemungkinan menjadi cabaran kepada citacita Jepun untuk mewujudkan sebuah empayar di Asia Tenggara.<sup>32</sup>

<sup>31</sup> Azhar Mad Aros, *op.cit*, hlm. 374

<sup>32</sup> *Ibid*, hlm. 375

### 5.5.2 Perang Dunia Kedua

Beberapa langkah penting telah diambil oleh kerajaan Jepun bagi persediaannya untuk menghadapi perang termasuk penubuhan kerajaan totalitari. Langkah lain ialah menguatkuaskan undang-undang mobilisasi, membentuk sebuah Badan Perancangan Kabinet dan penubuhan sebuah Ibu Pejabat Imperial. Ibu pejabat Imperial akan menyelaraskan kerjasama antara tentera darat dan tentera laut manakala dasar-dasar ekonomi negara dikoordinasikan oleh Badan Perancangan Kabinet.

Menjelang bulan Oktober 1940, Gabungan Pemerintahan Imperial (*Taisei Yokusan Kai*) telah ditubuhkan untuk menggantikan semua parti di dalam pemerintahan Jepun. Kerajaan Jepun telah menyemai perasaan cintakan tanah air di sekolah-sekolah dan universiti. Sementara itu kerajaan Jepun juga telah menghasilkan sebuah buku *Kokutai no Hongi* (Prinsip-prinsip Polisi Kebangsaan) untuk mempertingkatkan semangat nasionalisme yang ekstrim di kalangan para penuntut dan belia. Pihak media massa seperti surat khabar, radio dan sebagainya juga sangat aktif memupuk semangat nasionalisme bagi persediaan Jepun ke arah persediaan psikologi ke arah perang.<sup>33</sup>

<sup>33</sup> Richard Story, *op. cit.* hlm. 65

Selain itu, Jepun juga telah membuat persediaan selama empat tahun untuk menghadapi perang di negeri China, memperhebatkan penghasilan alat-alat perang dan memberi peluang kepada kerajaan mengawal import dan membentuk ekonomi negara umumnya sesuai dengan keperluan jangka panjang keselamatan negara.

Hanya sebahagian alat perang dan tenaga manusia negara sahaja yang terlibat dalam perang di negeri China, yang menjadi tempat berlatih untuk berperang kelak dengan negara-negara yang lebih kuat. Kekalahan Jepun di Nomonhan, iaitu di tangan Russia dalam tahun 1939, telah memberi sedikit pelajaran kepada tentera Jepun terutama keperluan pembesaran angkatan berperisainya.

Bekalan minyak dan barang-barang penting yang lain sudah terhimpun tetapi ada sebab untuk Jepun berasa bimbang jikalau bekalan minyak dari Asia Tenggara dan tempat-tempat lain terputus, kalau meletusnya perang, simpanannya sendiri tidak mencukupi lebih daripada dua tahun. Akan tetapi dalam bulan Julai 1941, tentera Jepun meneruskan usaha meluaskan jajahannya yang menimbulkan sekatan ekonomi dunia terhadapnya dalam cubaan melumpuhkan Jepun.

Dalam bulan itu, tentera Jepun menduduki pengkalan-pengkalan di Selatan Indo-China. Ini adalah satu ancaman yang terang ke atas Siam, Tanah Melayu dan Pulau-pulau Hindia Timur. Namun kebimbangan Jepun yang paling besar dalam gerakannya untuk menyerang Asia Tenggara ialah Amerika Syarikat yang bersikap dingin dengan langkah-langkah agresif Jepun di China dan Indo-China.

Amerika Syarikat telah membuat tindak balas dengan menamatkan Perjanjian Perdagangan Amerika-Jepun (1911) pada bulan Julai 1939. Dalam tahun 1940, menambahkan tekanan ekonominya ke atas Jepun dengan meletakkan embargo ke atas minyak yang digunakan untuk penerbangan. Menjelang akhir tahun tersebut, Amerika melarang pembekalan bahan-bahan berikut kepada Jepun iaitu besi, keluli dan logam serpihan. Roosevelt juga telah mengeluarkan satu perintah eksekutif yang membekukan semua aset Jepun di Amerika Syarikat.<sup>34</sup>

Namun begitu, rundingan masih dibuat untuk mencari jalan penyelesaian yang berlangsung di Washington selama beberapa minggu di antara Duta Jepun, Laksamana Nomura dengan Setiausaha Negara Amerika, Cordell Hull. Mereka tidak mencapai penyelesaian kerana tujuan kedua-dua belah pihak itu bertentangan. Jepun mahukan kerajaan Amerika hentikan sokongan kepada kerajaan China, serta mengakui kekuasaan Jepun di Timur Asia.

<sup>34</sup> Azhar Mad-Aziz, *op.cit.* him 376

Jepun pula akan menimbang untuk menarik diri daripada Perjanjian Paksi Tiga Pihak. Amerika mencurigai tujuan-tujuan Jepun di Asia dan mahukan Jepun menarik diri daripada negara China dan Indo-China yang di bawah Perancis. Jepun sedia keluar dari Indo-China tetapi tidak dari tanah besar China. Rundingan yang tidak dapat capai kata sepakat itu akhirnya membawa kepada perang yang tidak dapat dielakkan lagi.

Mulai Oktober 1941, rundingan ini ternyata menemui jalan buntu dan Jepun telah membuat tindakan yang tegas untuk menyerang Pearl Harbour. Tojo Hideki yang menjadi Menteri Angkatan Tentera pada bulan Julai 1940 telah mendesak Perdana Menteri Konoye supaya menamatkan rundingan. Beliau juga telah menuntut perang harus dimulakan setelah tentera-tentera Jepun berjaya ditempatkan di kawasan-kawasan yang strategik.

Kegagalan Konoye memujuk Tojo supaya mengubah pendirian telah membuatkan beliau meletakkan jawatan dan tempatnya itu kemudiannya diberi pada Tojo Hideki. Di bawah pimpinannya, Tojo telah membawa Jepun masuk ke kancang Perang Dunia Kedua. Beberapa buah negara di Asia Tenggara dan di kepulauan Pasifik telah berjaya ditawannya iaitu Filipina, Tanah Melayu, Burma dan Hindia Timur Belanda. Namun Jepun menyerah kalah dalam perang tersebut pada 15 Ogos 1945 apabila bom atom digugurkan oleh Amerika di Hiroshima pada 6 Ogos 1945 dan diikuti pula pengeboman di Nagasaki yang menyaksikan ratusan ribu nyawa terkorban dan tidak terkira harta benda yang musnah.

### **5.5.3 Pendudukan Amerika (SCAP) Dan Pemulihan Jepun**

Pihak Bersekutu di Jepun bermula daripada 2 September 1945 apabila Jepun dengan rasminya telah menyerah kalah. Proses menduduki ini telah berlanjutan sehingga April 1952. Pentadbirannya telah dipimpin oleh Panglima Tertinggi bagi Pihak Bersekutu (SCAP- Supreme Commander for The Allied Powers). MacArthur dan tentera-tentera yang menduduki Jepun menghadapi tugas membentuk semula dan memulihkan Jepun termasuk:

- i. Mengubahkan empayar Jepun
- ii. Pemulihan dan mendemokrasikan institusi-institusi Jepun
- iii. Membangunkan ekonomi Jepun yang lebih stabil.<sup>35</sup>

Pembubaran angkatan tentera merupakan objektif utama SCAP. Pembubaran tentera darat, laut dan udara Imperial Jepun telah dilaksanakan pada bulan Disember 1945 dan hampir dua juta askar dan tentera Jepun telah kembali ke dalam kehidupan orang awam. Tiga juta tentera di seberang laut telah dibawa pulang ke Jepun.

<sup>35</sup> — Sakarya Iuchi (terj.) Aniffin Bey, *Pembinaan Semula Negara*, (Kuala Lumpur:Penerbit Universiti Malaya, 1988),hlm. 61

Pemansuhan angkatan tentera juga mengubahkan suasana pembangunan dan pengembangan kilang-kilang senjata kepada kilang pembuatan barang bukan senjata. Banyak senjata dimusnahkan dan sebahagiannya diagih-agihkan di kalangan Pihak Bersekutu. Suatu pembersihan telah dilakukan dan penjenayah-penjenayah perang telah dibicarakan.

Beberapa pemimpin utama Jepun juga telah dihadapkan ke sebuah tribunal antarabangsa kerana menyalahi undang-undang antarabangsa. Seramai 28 orang telah dumumkan sebagai penjenayah perang iaitu Jeneral Tojo, Koiso, Kido, Hashimoto dan lain-lain. Tujuh daripada mereka dihukum mati dan 16 lagi dihukum penjara seumur hidup.

Program pembaharuan kerajaan Jepun telah membahagikan semula hampir empat juta ekar tanah pertanian kepada lebih kurang tiga juta petani yang dahulunya telah menyewa tanah daripada tuan-tuan tanah termasuk tuan tanah yang tinggal jauh. Petani, penyewa atau pengusaha boleh membeli tanah yang mereka usahakan dalam tiga puluhan bayaran ansuran dengan kadar faedah yang rendah.<sup>36</sup>

36. William Hoddy and Roger Buckley, *Nippon New Superpower: Japan Since 1945* (London: BBC Books, 1990), him 90.

Ringkasnya SCAP telah mengubah sebahagian besar petani-petani penyewa kepada petani-petani pemilik dan ini merupakan salah satu daripada pencapaian SCAP yang cemerlang. SCAP telah menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi pertanian dan menjelang tahun 1949 terdapat lebih daripada 32,000 koperasi dengan jumlah keahlian seramai lapan juta orang . Hampir setiap desa mempunyai sebuah koperasi. Pemerintahan SCAP di Jepun juga telah memberi keutamaan untuk memperbaiki keadan inflasi dan ketidakstabilan ekonomi dengan memaksimumkan pengeluaran dan mengambil langkah-langkah tegas bagi mengimbangkan belanjawan mengawal harga, upah dan memperbaharui struktur cukai.

Kumpulan Zaibatsu juga telah diletakkan di bawah kawalan yang dikawal ketat oleh SCAP. Dasar utama SCAP dalam tahun 1945 ialah ke arah pembubaran Zaibatsu yang juga dianggap bertanggungjawab membayai pencerobohan Jepun di seberang laut. Akibatnya SCAP telah membuat keputusan membubarkan lima Zaibatsu utama termasuk syarikat Mitsui, Mitsubishi, Sumitomo dan lain-lain. Sebelum pembubaran dilakukan , Amerika Syarikat telah mengubah dasar dan sikap terhadap Jepun. Ini adalah kerana Amerika dan negara Barat yang lain mula mengakui bahawa Jepun boleh menjadi sebuah sekutu dan aset yang penting dalam Perang Dingin di antara Amerika dan Rusia.<sup>37</sup>

<sup>37</sup> Ibid, Ilm 92

Dari segi pendidikan pula, kurikulum telah disusun semula dan semua kandungan yang bersifat militari dan ultra nasionalis telah dikeluarkan dari buku-buku sekolah manakala beribu-ribu orang guru dan pegawai –pegawai pelajaran telah disingkirkan. Pelajaran baru bertujuan mewujudkan pemikiran yang bijaksana dan kritis serta melatih generasi muda supaya menjadi warganegara yang bertanggungjawab. Falsafah pendidikan baru yang berusaha ke arah menyemai sifat-sifat demokrasi, bertanggungjawab dan individualisme.

Perlembagaan baru Jepun telah mengiktiraf prinsip Badan Kehakiman yang bebas. Ia mahukan supaya Badan Kehakiman bebas daripada cawangan Eksekutif Kerajaan (iaitu Perdana Menteri dan kabinetnya). Mahkamah Agung juga telah diberi kuasa pengadilan sepenuhnya dan diberikan kuasa untuk melantik hakim-hakim di mahkamah rendah.

Hak asasi manusia telah dilindungi oleh perlembagaan. Kedudukan rakyat adalah sama di bawah undang-undang tanpa mengira bangsa, kepercayaan, jantina atau kedudukan. Kebebasan berfikir, beragama dan bersuara telah dijamin. Persamaan pendidikan, hak pekerja untuk mengorganisasikan kesatuan-kesatuan dan sebagainya juga tertera dalam perlembagaan baru.<sup>38</sup>

38 Azhar Mad Aros, *op cit*, hlm 378

Akhir sekali, salah satu aspek paling menarik dalam Perlembagaan Jepun selepas perang ialah kemasukan satu Fasal yang menolak perang untuk selama-lamanya seperti dalam Artikel 9.<sup>39</sup> Perasaan cintakan keamanan itu adalah jujur dan hampir meliputi seluruhnya termasuk ramai daripada pelampau-pelampau kebangsan yang lama itu. Fasal perlucutan senjata itu memberi Jepun kedudukan yang istimewa di kalangan bangsa-bangsa di dunia dan orang Jepun bersetuju bahawa keistimewaan adalah suatu sifat yang dipunyaikan atau mesti dipunyaikan oleh negeri mereka. Negara Jepun dengan perlembagaannya yang baru itu telah mengadakan contoh bagi dunia sebagai suatu bangsa yang tidak lagi akan berperang. Ini adalah satu daripada kesedaran yang timbul daripada kekalahan

Pada 25 Jun 1950, Korea Utara telah secara tiba-tiba melancarkan serangan ke atas Korea Selatan. Memandangkan perkembangan-perkembangan ini Amerika Syarikat telah mendesak Pihak Bersekutu supaya menamatkan pendudukan di Jepun.<sup>40</sup> Pendudukan di Jepun dan peranan utama Amerika Syarikat dalam tempoh 1945-52 telah menampakkan transformasi Jepun daripada sebuah negara yang telah musnah dalam 1945 kepada sebuah negara progresif menjelang tahun 1952.

39. *Ibid.* hlm. 378

40. *Ibid.* hlm. 379

Proses demokrasi telah membolehkan Jepun menggubal satu perlembagaan baru dan memperlihatkan perkembangan satu sistem berparlimen berasaskan model Amerika Syarikat. Parti-parti politik mula bertapak dan parti-parti konservatif muncul di arena politik selepas tahun 1949.

Beberapa pembaharuan-pembaharuan yang telah diperkenalkan oleh pihak berkuasa yang menduduki Jepun dalam bidang pelajaran, ekonomi dan politik telah mempercepatkan proses pemulihan Jepun serta membuka jalan bagi memodenkan lagi negara tersebut. Seterusnya Jepun muncul sebagai sebuah negara industri dan ekonomi yang terkemuka pada tahun-tahun berikutnya.